

04 MAR 1997

Yahaya (Obituari)

PEMERGIAN YAHAYA SATU KEHILANGAN BESAR

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Tan Sri Yahaya Ahmad, yang terbunuh dalam nahas helikopter semalam, telah mencapai kejayaan dalam masa yang amat singkat yang bagi kebanyakan rakyat Malaysia, hanya sekadar satu mimpi.

Berasal dari keluarga sederhana di Terengganu, Allahyarham telah menjadi kaya raya pada usia 40-an.

Penonjolan beliau dalam dunia korporat bermula sejak lima tahun kebelakangan ini. Setiap kali beliau membuat urusan perniagaan, ia pasti menggemparkan seluruh negara.

Yahaya yang baru mencecah usia 50 tahun baru-baru ini semakin dikagumi apabila digelar Raja Automotif Malaysia sewaktu mengambil alih Hicom dua tahun lepas dan membuat kejutan melalui pembelian syarikat kereta sport terkemuka dan berteknologi tinggi Britain, Lotus International Ltd tahun lepas.

Memang terdapat ramai lagi yang mengecapi kekayaan hasil kecemerlangan ekonomi Malaysia sejak dekad lalu, namun ada sesuatu yang istimewa mengenai Yahaya yang membezakannya daripada orang lain terutama di mata mereka yang kenal rapat dengannya.

Sebagai seorang yang dianggap oleh beberapa majalah perniagaan tempatan sebagai orang terkaya di Malaysia, Yahaya merupakan seorang yang amat merendah diri, pendiam dan bebas daripada gosip liar.

Saya menyedari sifat-sifat ini pada 10 Jan apabila dipanggil ke pejabatnya di tingkat 34 Menara Shahzan-Insas di sini yang menempatkan syarikat Master-Carriage Malaysia Sdn Bhd milik beliau. Ia merupakan satu daripada 90 syarikat dalam empayar perniagaannya yang meliputi Proton dan juga motosikal nasional. Syarikat itu turut menguruskan syarikat perkhidmatan bas Intrakota di samping terlibat dengan pengswastaan pengurusan sisa pepejal.

Pada mulanya saya menjangka Yahaya akan marah kerana satu menulis satu berita yang membidas mutu perkhidmatan Intrakota di awal proses pengambilalihan pengangkutan awam Kuala Lumpur pada Januari, tetapi rupa-rupanya beliau terbukti seorang yang amat berbudi bahasa.

Dengan nada percakapannya yang lembut tanpa sekalipun menunjukkan kuasa dan pengaruhnya yang boleh menggoncang dunia perniagaan tempatan, Yahaya menafikan kenyataan bahawa syarikat beliau, DRB-Hicom terlalu tamak sehingga sanggup mengambilalih perkhidmatan pengangkutan awam ibu negara walaupun tidak termampu melakukannya dengan berkesan.

Dalam pertemuan dua jam itu, yang merupakan satu wawancara empat mata terakhir diberinya, beliau menjelaskan bahawa penglibatan dalam perkhidmatan pengangkutan awam lebih merupakan perjuangan peribadi beliau untuk memodenkan sektor yang ketinggalan itu dan yang paling penting untuk menghasilkan budaya bas yang bakal menjadi ikutan di seluruh negara.

Ternyata bahawa wang bukannya perkara utama yang dikejanya apabila beliau menawarkan perkhidmatan Intrakota. Ia lebih menjurus kepada komitmen murninya untuk menamatkan budaya buruk pengangkutan bas yang selama ini menimbulkan kegelisahan penumpang yang terpaksa berhimpit-himpit.

Malahan, syarikat beliau bakal mengalami kerugian jika bas-bas yang digunakan tidak membawa penumpang secukupnya sungguhpun sebanyak 500 bas yang berharga RM500,000 sebuah telah memulakan perkhidmatan. Kerugian terutamanya ditanggung kerana bas-bas berkenaan sering terperangkap dalam kesesakan lalulintas yang semakin teruk di Kuala Lumpur.

Namun, dengan pengaruhnya, pihak berkuasa baru-baru ini mengambil keputusan segera untuk mengadakan laluan khas bas supaya ia boleh bergerak lancar.

Bagi melihat sendiri masalah kesesakan yang menghantui perkhidmatan bas itu, Yahaya turut turun padang dengan menunggang motosikal Krissnya meninjau kebanyakan laluan bas Intarkota selama lima hari pada Januari.

"Awak tahu, saya menghadapi bahaya kehilangan nyawa apabila menunggang motosikal di celah-celah kereta di jalan raya. Tetapi, ia adalah satu cara bagi membuktikan saya tidak lari daripada masalah yang dihadapi penumpang sebaliknya berusaha meningkatkan sistem pengangkutan awam agar lebih berkesan," katanya dalam temuramah yang sama.

Dalam satu majlis terbuka puasa untuk wartawan di Hotel Hilton Petaling Jaya iaitu dua minggu selepas temuramah dengannya, Yahaya sekali lagi menunjukkan sifat berhemah tingginya dengan mengucapkan terima kasih kepada saya kerana "hasil penulisan yang baik mengenai temu ramah itu".

"Saudara boleh menghubungi saya secara terus jika mempunyai mempunyai sebarang idea untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Intrakota," merupakan antara kata-kata yang diluuhkannya sebelum berpisah malam itu.

Yahaya juga merupakan seorang insan yang tidak suka menunjuk-nunjuk kekayaannya.

Sementara sebilangan besar rakannya memiliki jet eksekutif untuk kemudahan bergerak dalam dan luar negara, Yahaya tidak memiliki barang sebuah jet walaupun turut melibatkan diri dalam sektor penerbangan melalui syarikat Air Asia yang merupakan syarikat penerbangan kedua negara.

Namun secara ironisnya, atau secara tragiknya minat beliau yang mendalam terhadap helikopter akhirnya membawa kepada kematian beliau.

Menurut teman-temannya, Yahaya selalunya bergerak dalam negara menggunakan helikopter milik syarikat seperti pesawat Augusta 109 yang terhempas berhampiran Kuala Lipis, Pahang tengah malam tadi sewaktu beliau dan isterinya Puan Sri Rahana Othman dalam perjalanan ke Terengganu untuk melawat ibunya yang sedang sakit.

Pernah satu ketika beliau menyatakan kecenderungannya lebih kepada helikopter kerana ia merupakan pesawat serba boleh berbanding kapal terbang, demikian menurut seorang daripada pembantunya.

Namun, sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang helikopter, Yahaya sepatutnya menyedari bahaya yang bakal ditempuhi apabila terbang di waktu malam.

Sejurus sebelum beliau memulakan penerbangan malam tadi, rakan sepegiannya iaitu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga sama-sama menentang di Kolej Melayu Kuala Kangsar turut mengingatkan Yahaya mengenai bahaya menaiki helikopter di waktu malam.

"Yahaya kelihatan tidak begitu ceria dan saya fikir ini mungkin kerana ibunya sedang sakit kuat. Saya memberitahunya mengenai (keselamatan) penerbangan waktu malam dengan helikopter tetapi Yahaya berkata beliau terpaksa juga pulang kerana ibunya sakit tenat," kata Anwar yang menyifatkan pemergian Yahaya bukan sahaja sebagai kehilangan seorang sahabat tetapi satu kehilangan pemimpin korporat kebanggaan negara.

Di perlumbaan Grand Prix Formula One yang berlangsung di Lisbon, Portugal November lepas misalnya, Yahaya secara simbolik menunjukkan rasa bangganya menjadi seorang rakyat Malaysia.

Beliau seolah-olah merasa ada sesuatu yang tidak kena apabila melihat tidak ada bendera Malaysia di deretan bendera negara-negara lain berhampiran tempat duduk utama perlumbaan itu yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau kemudiannya bergegas mencari bendera negara di kalangan penonton Malaysia dan akhirnya berjaya mendapatkannya.

Dengan bersahaja, beliau menegakkan sendiri bendera itu di celah

bendera-bendera lain, satu tindakan spontan yang membanggakan.

Pemergian mengejut Yahaya ketika sedang mencapai kemuncak kejayaan merupakan sesuatu tragedi dan pasti akan meninggalkan ruang kosong yang sukar diisi. Ia juga bakal menimbulkan tanda tanya mengenai masa depan empayar perniagaan yang ditinggalkannya itu.

Namun, nama beliau tidak akan dilupakan sebagai anak Melayu kampung yang menjadi legenda kerana kepintaran berniaga, bekerja keras dan yang paling utamanya perasaan rendah hatinya yang tiada bandingan. -- BERNAMA

AU HJ MAI